

23/02/2003

Pemimpin pembangkang tidak sokong Aman Malaysia

KUALA TERENGGANU: Pengerusi Pengelola Aman Malaysia peringkat negeri Terengganu, Mohd Sabri Alwi, menyifatkan pemimpin parti pembangkang di negara ini sebagai tidak mengambil berat soal kedamaian dan perpaduan.

Beliau berkata, sebaliknya pemimpin parti pembangkang berkenaan lebih cenderung kepada hasutan supaya rakyat benci membenci di antara satu sama lain.

Sebagai contoh, beliau kesal apabila tiada seorang pun pemimpin parti pembangkang terutama Pas, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertai perhimpunan Aman Malaysia, apatah lagi menurunkan tanda tangan sebagai sokongan menentang kezaliman walaupun program itu dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita sudah menghantar jemputan kepada Pas, DAP dan Keadilan negeri untuk menyertai perhimpunan yang diadakan, tetapi kami tidak menerima maklum balas serta tiada wakil dari pihak terbabit.

"Ketidakhadiran pemimpin parti pembangkang ke perhimpunan itu membuktikan mereka tidak menyokong kedamaian. Sejak Pas mentadbir negeri ini lebih tiga tahun lalu, tiada sebarang usaha dilakukan pemimpin mereka untuk mendidik masyarakat supaya bersatu padu," katanya.

Mohd Sabri berkata demikian ketika ditemui selepas perhimpunan Aman Malaysia peringkat negeri di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman I, di sini, semalam.

Perhimpunan itu disertai lebih 10,000 orang daripada 12 NGO serta parti komponen Barisan Nasional (BN). Mereka menurunkan tanda tangan sebagai tanda sokongan terhadap keamanan sejagat yang perlu dikekalkan.

Antara yang berucap pada perhimpunan itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh dan Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) negeri, Shamsuddin Sulong.

Pada majlis itu, Mohd Sabri menyerahkan 75 buku mengandungi lebih 250,000 tanda tangan rakyat negeri ini untuk disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil, hari ini.